

22 AUG 2002

DR MAHATHIR RASMI PECAH TANAH KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

BANDAR BARU NILAI, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi merasmikan upacara pecah tanah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

Ketibaan beliau kira-kira jam 10.30 pagi disambut Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Pengerusi KUIM Tan Sri Dr Yusof Noor.

KUIM yang terletak di tapak seluas 188 hektar di Bandar Baru Nilai, tidak jauh dari Koridor Raya Multimedia (MSC), merupakan universiti awam ke-12 di negara ini.

Ia akan dibangunkan dalam tiga fasa dan dijangka siap sepenuhnya menjelang pertengahan 2004. Universiti itu kini mempunyai 1,500 pelajar dan mempunyai kampus sementara di Kampung Pandan.

Terdapat empat fakulti di KUIM iaitu Al-Quran dan Sunnah, Syariah dan Perundangan, Dakwah dan Pengurusan Islam serta Ekonomi dan Muamalat.

-- BERNAMA
APG AZZ ROS